

Petronas kini simpan duit di Malaysia

BH 13 JULY 1982

KUALA LUMPUR 13 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberitahu Dewan Rakyat, kerajaan sedar sebahagian dari pendapatan Petronas di satu ketika dulu memang disimpan di bank luar negeri.

Menurut beliau, ini kerana lebih menguntungkan, tetapi masa ini 100 peratus pendapatan itu disimpan dalam negeri.

Beliau membuat penjelasan itu ketika menjawab soalan En-

cik Sim Kwang Yang (DAP-Bandar Kucing).

Perdana Menteri memberitahu, setakat ini tidak ada penyelewengan terhadap kewangan Retronas dan jika diketahui ada beliau memintai Ahli Parlimen itu melaporkannya kepada kerajaan.

Petronas juga, kata beliau, tidak perlu mengemukakan penyata akaun tahunan kepada Ketua Audit Negara atau Jawatankuasa Kira-

kira Wang Negara kerana Petronas ialah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965.

Salinan

"Seperti syarikat-syarikat berdaftar yang lain, Petronas dikehendaki mengekemukakan laporan tahunan dan akaun auditnya kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat.

"Penyataan tahunan Petronas diaudit oleh sebuah firma akaun profesional yang

bertauliah sebelum dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat.

"Salinan-salinan penyata itu dikemukakan juga kepada Perdana Menteri, Ketua Audit Negara dan Perbendaharaan untuk perhatian mereka," jelas Perdana Menteri.

Mengikut perundangan yang diluluskan oleh Parlimen, Petronas adalah diletakkan di bawah pengawasan Perdana Menteri sendiri.

"Sebenarnya Petronas tidak dikecualikan dari kawalan penelitian Parlimen," tambahnya.